



JABATAN ALAM SEKITAR (JAS) NEGERI PULAU PINANG MENYANTUNI KELUH KESAH PENDUDUK YANG TERKESAN DENGAN OPERASI KILANG PEMBORONG IKAN

11 Disember 2024, KEPALA BATAS - Pengarah bersama Timbalan Pengarah serta pasukan penguatkuasa JAS Pulau Pinang telah mengadakan perbincangan dengan Persatuan Penduduk di sekitar kawasan berkenaan bagi mendengar keluh kesah berkaitan isu pencemaran bau dan bunyi bising dari operasi kilang tersebut.

Tujuan perbincangan adalah untuk memberi ruang kepada pihak berkenaan menyalurkan maklumat aduan secara terus berkenaan premis yang diadukan dan penjelasan terhadap kekeliruan berkenaan bidang kuasa JAS

Jabatan Alam Sekitar akan melaksanakan segala peruntukan dibawah bidang kuasa berpandukan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya.

Tanggungjawab yang diberikan kepada Jabatan ini akan dilaksana dan dipikul sebaik mungkin bagi memastikan alam sekitar terpelihara.

#NRES

#jabatanalamsekitar

#jaspulaupinang

#jasppdisember2024

#alamsekitartanggungjawabbersama



👍 12

1 komen

